



14 Julai 2021
14 July 2021
P.U. (A) 308

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

KAEDAH-KAEDAH KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (PINDAAN) (NO. 4) 2021

EMPLOYEES PROVIDENT FUND (AMENDMENT) (NO. 4) RULES 2021

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA 1991

KAEDAH-KAEDAH KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (PINDAAN) (NO. 4) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 73 Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 [*Akta 452*], Lembaga membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) (No. 4) 2021**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 15 Julai 2021.

Pindaan kaedah 41

2. Kaedah-Kaedah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 [*P.U. (A) 493/1991*] dipinda dalam kaedah 41 dengan memasukkan selepas subkaedah (10ZA) subkaedah yang berikut:

“Ahli Kumpulan Wang memerlukan pembiayaan untuk menambah pendapatannya bagi maksud kelangsungan hidup disebabkan oleh pelaksanaan Pelan Pemulihan Negara di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [*Akta 342*] untuk mengawal atau mencegah merebaknya Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19).

(10ZB) Jika notis pengeluaran dibuat di bawah perenggan 54(6)(m) Akta atas alasan bahawa ahli Kumpulan Wang memerlukan pembiayaan untuk menambah pendapatannya bagi maksud kelangsungan hidup disebabkan oleh pelaksanaan Pelan Pemulihan Negara di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [*Akta 342*] untuk mengawal atau mencegah merebaknya Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19), ahli Kumpulan Wang itu hendaklah memberikan suatu notis pengeluaran kepada Lembaga mengikut apa-apa cara yang ditentukan oleh Lembaga.

(10ZC) Notis pengeluaran yang disebut dalam subkaedah (10ZB) hendaklah dikemukakan oleh ahli Kumpulan Wang itu kepada Lembaga pada

bila-bila masa antara 15 Julai 2021 hingga 30 September 2021.

(10ZD) Jika Lembaga berpuas hati dengan notis pengeluaran yang dikemukakan oleh ahli Kumpulan Wang, Lembaga boleh membenarkan ahli Kumpulan Wang itu untuk mengeluarkan suatu amaun yang tidak melebihi lima ribu ringgit pada tarikh notis pengeluaran itu dibenarkan tertakluk kepada—

- (a) amaun yang ada pada kredit dalam Akaun II ahli Kumpulan Wang itu digunakan sepenuhnya; dan
- (b) amaun yang ada pada kredit dalam Akaun I ahli Kumpulan Wang itu digunakan jika terdapat apa-apa kekurangan dalam amaun yang ada pada kredit yang disebut dalam perenggan (a) bagi maksud pengeluaran itu.

(10ZE) Bagi maksud subkaedah (10ZD)—

- (a) jumlah bilangan pengeluaran tidak boleh melebihi lima kali dari tarikh notis pengeluaran itu dibenarkan; dan
- (b) amaun pengeluaran tidak boleh kurang daripada lima puluh ringgit dan tidak melebihi satu ribu ringgit pada setiap kali pengeluaran.

(10ZF) Ahli Kumpulan Wang itu hendaklah, pada setiap masa dalam tempoh jumlah bilangan pengeluaran yang disebut dalam perenggan (10ZE)(a), mempunyai amaun yang ada pada kreditnya dalam Akaun I sekurang-kurangnya satu ratus ringgit.

(10ZG) (a) Ahli Kumpulan Wang itu boleh memohon kepada Lembaga untuk membatalkan notis pengeluaran pada bila-bila masa.

(b) Jika notis pengeluaran yang terdahulu telah dibatalkan, ahli Kumpulan Wang itu tidak dibenarkan untuk mengemukakan suatu notis pengeluaran baharu di bawah subkaedah (10ZB).

(10ZH) Walau apa pun subkaedah (10ZC) dan (10ZD), Lembaga mempunyai budi bicara untuk menentukan apa-apa tempoh lain dan apa-apa amaun lain bagi ahli Kumpulan Wang itu untuk menambah pendapatannya bagi maksud kelangsungan hidup disebabkan oleh pelaksanaan Pelan Pemulihan Negara di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [*Akta 342*] untuk mengawal atau mencegah merebaknya Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19).".